

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

KDNK diunjur berkembang 4 hingga 5 peratus

KDNK diunjur berkembang 4 hingga 5 peratus

Walaupun ketidaktentuan lan-

dskap global semakin mening-

kat, namun ekonomi Malaysia

kekalkan berdaya tahan dengan

pertumbuhan Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) diunjur

berkembang antara empat

hingga lima peratus tahun de-

pan.

Kerajaan mengakui Bank Du-

nia mengunjurkan pertumbu-

han ekonomi Malaysia 4.3 pera-

tus pada 2024 laitu meningkat

sedikit berbanding unjuran asal.

Namun, unjuran ini selaras

jangkaan pertumbuhan ekono-

mi Malaysia pada tahun depan

yang disokong permintaan ku-

kuh domestik.

Pertumbuhan ini akan diso-

kong dengan pelaksanaan ini-

siatif digariskan dalam Pelan

Hala Tuju Peralihan Tenaga Na-

sional (NETR) baru, Pelan In-

duk Perindustrian Baharu 2030

(NIPB 2030) dan Kajian Sepa-

ruh Penggal Rancangan Malas-

zia Ke-12 (KSP RMK12).

Selain itu, permintaan domes-

titik negara pada tahun ini terus

disokong oleh peningkatan per-

belanjaan penggunaan dan pe-

laburan dan ia juga dipacu oleh

keadaan pasaran buruh meng-

galakkan, tekanan inflasi berku-

rangan serta aktiviti pelancon-

gan rancak, peningkatan pe-

laburan swasta dan pelaburan

modal berterusan dalam sektor

perkhidmatan dan pembuatan.

Bagi perkembangan aspek

penawaran pula, sektor per-

khidmatan dan pembuatan

menjadi pemacu utama per-

tumbuhan ekonomi tahun ini.

Sektor pertanian juga diunjur

berkembang sederhana disum-

bangkan oleh subsektor sawit,

pertanian lain dan ternakan,

manakala sektor perlombongan

dijangka merosot berikutnya

permintaan luar lebih rendah.